

FAMODINE TABLET

Famotidine (20mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Famodine
2. Bagaimana berfungsi
3. Sebelum menggunakan Famodine
4. Cara menggunakan Famodine
5. Semasa menggunakan Famodine
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Famodine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Famodine

Ubat ini digunakan untuk merawat:

- Ulser duodenum
- Ulser gastrik benigna
- Sindrom Zollinger-Ellison (Pengeluaran asid secara berlebihan dalam perut yang disebabkan oleh pertumbuhan pada pankreas)
- Pencegahan ulser duodenum berulangan
 - jangka pendek (tidak lebih daripada 12 minggu) melegakan gejala refluks gastroesophageal yang tidak responsif kepada langkah-langkah konservatif
 - penyembuhan hakisan esofagus atau ulser yang dikaitkan dengan penyakit refluks gastroesophageal.
 - pencegahan gejala dan hakisan atau ulser berulangan.
- Penyakit refluks gastroesophageal (pengaliran terbalik asid)

dari bahagian perut ke esofagus.)

Bagaimana Famodine berfungsi

Famodine mengandungi bahan aktif Famotidine. Famotidine tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai perencat atau penghalang H2.

Ia berfungsi dengan mengurangkan jumlah asid yang dihasilkan oleh perut. Ini membantu untuk mengurangkan kesakitan dan juga membolehkan ulser dan / atau penyakit refluks sembuh bagi kebanyakan orang.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan Famodine dibekalkan kepada anda. Doktor anda mungkin membekalkan Famodine untuk tujuan lain.

Sebelum menggunakan Famodine

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- bahan aktif Famotidine, atau sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.
- sebarang ubat lain yang serupa

Sesetengah simptom reaksi alahan termasuk:

- sesak nafas
- berdehit atau sukar bernafas

- Bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian badan lain.
- ruam, gatal-gatal atau kemerahan pada kulit.

Jangan mengambil Famodine selepas tarikh luput yang tertera pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan Famodine

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk hamil atau anda menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Doktor anda mungkin akan menjalankan beberapa ujian untuk mengesahkan tumor gastrik kerana famotidine juga boleh mengurangkan gejala kanser dan menyebabkan kelewatan dalam diagnosis.

Penggunaan pada kanak-kanak : Keselamatan dan keberkesanan Famotidine pada kanak-kanak belum dibuktikan.

Kebanyakan warga emas lebih cenderung untuk mempunyai masalah penyingkiran famotidine. Oleh itu doktor akan memantau fungsi buah pinggang dan membuat

penyelarasan dos yang sewajarnya.

Penggunaan semasa menyusu: Famotidine itu boleh dikesan dalam susu manusia. Ibu kejururawatan perlu sama ada berhenti ubat ini atau berhenti menyusu.

Famotidine tidak digalakkan digunakan semasa kehamilan. Sebelum keputusan dibuat untuk menggunakan Famotidine semasa mengandung, doktor harus mempertimbangkan manfaat potensi daripada ubat terhadap risiko yang mungkin berlaku.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Famodine.

- **Jika mengambil ubat-ubat lain**

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Famodine tidak menunjukkan sebarang tindak balas dengan ubat lain.

Cara menggunakan Famodine

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- **Berapa banyak harus digunakan**

Dos Famodine bergantung kepada keadaan yang dirawat.

Ulser gastrik benigna dan duodenum

Ambil 40mg setiap hari pada waktu malam untuk 4 hingga 8 minggu.

Sindrom Zollinger-Ellison

Rawatan dimulakan dengan dos sebanyak 20mg setiap enam jam. Dos perlu diselaraskan mengikut keperluan individu.

Penyakit gastroesofageal refluks

Dos biasa untuk rawatan dan kawalan penyakit refluks ialah 20mg diambil dua kali sehari.

Dos famotidine mungkin dikurangkan untuk orang yang mempunyai masalah buah pinggang yang teruk di mana dos famotidine boleh dikurangkan secara separuh ataupun kekerapan dos famotidine boleh dikurangkan kepada setiap 36-48 jam. Kesesuaian dos famotidine adalah bergantung kepada setiap individu.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Mereka akan memberitahu anda kuantiti yang perlu diambil.

- **Bila perlu digunakan**

Famodine boleh diambil bersama makanan atau sebelum makan.

Jika anda mengambil satu dos setiap hari, ambil ubat anda pada waktu malam.

Jika anda mengambil dua dos setiap hari, ambil ubat anda pada waktu pagi dan malam.

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

Ini akan membantu anda mengingati masa mengambil ubat.

- **Berapa lama perlu digunakan**

Jangan berhenti mangambil Famodine walaupun anda berasa lebih sihat selepas beberapa hari, kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Ulser mungkin akan kembali jika anda berhenti mengambil ubat lebih awal.

Jangka masa rawatan Famodine bergantung kepada keadaan yang sedang dirawat.

- **Jika terlupa menggunakan**

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat masa pengambilan ubat, tanya ahli farmasi anda untuk dapatkan petua.

- **Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Famodine, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan dan

kemalangan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Famodine

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Famodine.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengurangkan dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan mengambil Famodine untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diaruh oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Famodine mempengaruhi anda.

Kesan-sesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan risau dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati mana-mana yang berikut dan mereka simptom-simptom berikut membimbangkan anda:

- * sakit kepala
- * pening
- * sembelit
- * cirit-birit

Ini secara umumnya adalah kesan sampingan yang ringan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Famodine

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat dimana suhunya dibawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Famodine atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Famodine atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Famodine Tablet 20mg – Pil berbentuk kapsul, berwarna kuning, 11mm, bergores pada satu permukaan dan bertanda ‘d 861’ pada permukaan yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Famotidine

Bahan tidak aktif:

- promigel
- magnesium stearate
- aerosil
- cornstarch
- lactose
- polyvinylpyrrolidone
- (PVP)
- quinoline yellow

- Nombor MAL

Famodine Tablet 20mg:

MAL19900668A

Pengilang

Duopharma (M) Sdn. Bhd.
(42491-M)

Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran
Produk**

Duopharma (M) Sdn. Bhd.
(42491-M)

Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

18/08/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)290715/00230